

Saya akan terus bekerja

— Annuar

UM 17 JAN 2003

KOTA BHARU 16 Jan. — Bekas Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, beliau akan terus bekerja gigih bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) di negeri ini walaupun tidak lagi memegang jawatan tersebut.

Katanya, pelantikan Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim menggantikan beliau tidak akan melemahkan semangatnya terus berjuang untuk parti.

“Saya masih Ketua UMNO Bahagian, masih anggota badan perhubungan, oleh itu saya boleh menyertai mesyuarat, bersyarah dan berceramah, malah bekerja lebih kuat,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri pertemuan Badan Perhubungan UMNO negeri Kelantan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau yang memegang jawatan itu selama 12 tahun berkata, langkah Dr. Mahathir tersebut adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada orang lain menyumbangkan bakti mereka.